

Ubah pemikiran beri kesan tingkah laku

ISTILAH pemikiran kelas ketiga telah dikaitkan dengan negara-negara yang dilihat sebagai mundur dalam pelbagai aspek seperti ekonomi mahupun sosial. Keadaan sedemikian berlaku disebabkan tingkah laku manusia yang gagal mematuhi jangkauan masyarakat dan berlatarbelakangkan taraf sosioekonomi rendah.

Menurut Ketua Program Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Nor Ba'ayah Abdul Kadir, ia adalah proses-proses minda yang diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku.

"Keupayaan manusia berfikir dan mencapai fungsi optimum dalam kehidupan bergantung kepada pelbagai faktor termasuklah pendidikan, didikan keluarga dan cara bersosial. Ini bermakna terdapat segelintir manusia yang tidak mampu mencapai pemikiran aras tinggi," katanya ketika diminta mengulas isu mentaliti penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Tambahnya, gaya hidup dan pemikiran individu tersebut sukar untuk diubah dan memerlukan kaedah yang bersistematik, berstruktur dan konsisten.

"Individu tersebut perlu diberi pendidikan dan latihan untuk meningkatkan tahap kesedaran minda terhadap tingkah laku tertentu. Sebagai contoh, berikan penerangan tentang isu pembuangan sampah merata-rata yang merupakan punca kekotoran kawasan kejiranan, cara menjaga kebersihan kawasan kejiranan dan berbangga dengan kawasan kejiranan masing-masing.

"Mulakan dengan cara berkempen dari rumah ke rumah oleh ahli dalam komuniti dan sentiasa mengingatkan tentang pentingnya menjaga kebersihan kejiranan melalui visual. Pemupukan tingkah laku



NOR BAYAH

perlu dijalankan sekurang-kurangnya dua tahun diikuti proses pengukuhan tingkah laku," jelasnya usaha tersebut memerlukan tempoh masa panjang untuk melihat perubahannya memandangkan pembentukan tingkah laku bermula sejak lahir dan dipengaruhi oleh ibu bapa serta ahli keluarga yang lain.

Hasil kajian beliau bersama rakan-rakan penyelidik mendapati, masalah vandalisme berpunca daripada individu yang mempunyai masalah psikologi dan sosial. Mereka juga berpendidikan yang rendah dan pendapatan di bawah paras kemiskinan.

Dalam pada itu, faktor kawasan persekitaran yang sempit atau ruang bukanlah isu utama. Pihak berkuasa tempatan misalnya, telah menyediakan tong-tong sampah, kawasan pelupusan dan kitaran

semula tetapi masih ada segelintir individu yang tidak memanfaatkan kemudahan diberikan.

"Masalah longgokan sampah sarap dan vandalisme masih berlaku dan perkara-perkara tersebut sering dikaitkan dengan mereka yang pernah tinggal di kawasan setinggan kerana penempatan berkenaan sememangnya tidak mempunyai kemudahan pembuangan sampah yang baik. Justeru, sampah dibuang dengan sesuka hati di kawasan-kawasan terbuka dan ada yang sehingga mencampakkan sampah dari tingkat atas.

"Kes-kes ini sering berlaku di penempatan PPR kerana kebanyakan penghuni terlibat dalam pemindahan penduduk setinggan. Segelintir daripada mereka mengambil mudah dengan mengharap sampah tersebut tetap akan dipungut oleh pihak yang bertanggungjawab," jelasnya.